

# KL mahu- eratkan hubungan dgn Jepun dan Korea

**KUALA LUMPUR, Selasa** — Kerajaan Malaysia akan menekankan perhubungan yang lebih rapat dengan negara-negara timur, khususnya Jepun dan Korea Selatan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan dalam satu sidang akhbar hari ini, hubungan sedemikian adalah perlu kerana pembangunan di negara berkenaan sejajar dengan ekonomi Malaysia yang sedang berkembang.

Di samping itu, katanya, usaha sedemikian juga akan membolehkan rakyat mengimbangkan pandangan mereka terhadap dunia dan supaya pandangan itu tidak condong kepada sesuatu kumpulan negara-negara tertentu.

Datuk Seri Dr. Mahathir menggariskan penekanan ini sesudah merasmikan sidang ketua-ketua perwakilan Malaysia di luar negeri, di Kementerian Luar Negeri, di sini hari ini.

## Perlu memahami

Persidangan tersebut diadakan buat pertama kali sejak merdeka dan dihadiri oleh 45 orang pesuruhjaya tinggl, duta besar, kuasa usaha dan konsul Malaysia di seberang laut.

Turut hadir ialah Menteri Luar Tan Sri Ghazali Shafie dan Setiausaha Parlimennya, Encik Mahyuddin Mohd. Yassin.

Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan kepada perwakilan Malaysia di persidangan tersebut mengenai dasar-dasar kerajaan serta perubahan-perubahan yang dilakukan sekarang.

Beliau menegaskan, dasar luar negara adalah lanjutan kepada dasar dalam negeri.

"Oleh itu, perwakilan Malaysia di luar negeri perlu memahami perkara ini dan dapat pula menjelaskannya kepada negara asing dan pemberita asing, supaya mereka tidak keliru terhadap perkembangan dan tindakan yang dilakukan di negara ini," tambahnya.

Selanjutnya, Perdana Menteri menjelaskan kepada perwakilan Malaysia itu mengenai perhubungan negara

dengan kumpulan negara asing.

Katanya, prioriti negara kini adalah kepada ASEAN, Pertubuhan Per-sidangan Islam, Negara-negara Berkecuali dan Komanwel.

Di samping itu, Datuk Seri Dr. Mahathir juga menegaskan kepada perwakilan Malaysia mengenai pentingnya mereka menekankan kepada kecekapan pentadbiran seperti yang dilaksanakan di dalam negeri sekarang, semangat menjauhi rasuah dan kemahiran dalam perjalanan kerja-kerjanya.

## Sikap yang sama

"Saya juga tekankan kepada mereka mengenai pentingnya mereka mempunyai sikap yang sama terhadap kerja-kerja mereka di kedutaan masing-masing, sejajar dengan apa yang dilakukan di dalam negeri sekarang," katanya.

Sementara itu, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan berkunjung ke Jepun bagi menandatangani perjanjian kredit yen yang baru, tahun depan.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, tarikh lawatan itu belum lagi ditetapkan. Beliau mungkin ke Jepun pada suku penggal pertama atau kedua tahun 1982.

Perjanjian kredit yen kali ini merupakan yang kelapan akan ditandatangani oleh Malaysia.

Kredit yen ketujuh sejumlah 21,000 juta yen ataupun \$210 juta, telah diberikan kepada Malaysia untuk membiayai projek-projek pembangunan sumber tenaga dan lain-lainnya.

Sehingga ini, Malaysia mendapat pinjaman yen sejumlah 176,000 juta yen ataupun \$1,766 juta, sejak 1966.

Selanjutnya, Perdana Menteri memberitahu satu sidang akhbar di Kementerian Luar Negeri hari ini, beliau telah meminta Timbalannya, Datuk Musa Hitam yang ke Jepun beberapa hari lalu membincangkan dua perkara pokok dengan Perdana Menteri Jepun.

Pertamanya, mengenai kemasukan lebih ramai pelajar Malaysia di negara berkenaan serta pemansuhan keperluan visa untuk perjalanan ke Malaysia dan Jepun.